

Headline	Bursa tempatan ditutup tinggi		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	09 May 2020	Language	Malay
Circulation	82,252	Readership	246,756
Section	Berita Sawit	Page No	27
ArticleSize	399 cm ²	Journalist	ULASAN PASARAN
PR Value	RM 39,788		



Bursa tempatan ditutup tinggi

Perjanjian baharu AS-China lonjak indeks 5.38 mata

Ulasan Pasaran

Bursa Malaysia ditutup tinggi dalam keadaan pasaran serantau turut mencatatkan prestasi baik kebanyakannya susulan perjanjian baharu di antara pegawai Amerika Syarikat (AS) dengan China untuk melaksanakan perjanjian perdagangan fasa satu.

Pada penutupan, indeks utama meningkat 5.38 mata atau 0.39 peratus kepada 1,382.31 daripada 1,376.93 ketika ditutup pada Rabu.

FTSE Bursa Malaysia KLCI (FBM KLCI) dibuka 5.19 mata lebih tinggi kepada 1,382.12 dan bergerak di antara 1,382.02 dengan 1,392.23 sepanjang dagangan semalam.

Pasaran ditutup pada Khamis susulan cuti umum sempena Hari Wesak.

Bagi pasaran meluas, kaunter untung mengatasi kaunter

rugi sebanyak 540 berbanding 340 manakala 397 kaunter tidak berubah, 598 kaunter tidak diniajukan dan 27 yang lain digantung.

Jumlah dagangan susut kepada 4.68 bilion unit bernilai RM2.73 bilion daripada 5.89 bilion unit bernilai RM2.80 bilion pada Rabu.

Ketua Pakar Strategi Pasaran Global, AxiCorp, Stephen Innes, berkata walaupun pasaran tidak begitu terkesan dengan perkembangan kemelut terkini AS-China, tahap berhati-hati masih kekal sehingga Presiden Donald Trump memberi isyarat semua kesukaran akan berakhir dengan beberapa tahap trafik tidak akan dikenakan semula ke atas China.

"Sementara itu, tindakan saling menuding jari mengenai lokasi asal bermulanya wabak COVID-19 dijangka berterusan buat sementara waktu," katanya.

Indeks Straits Times Singapura turun 0.13 peratus kepada 2,589.59, Indeks Hang Seng Hong Kong naik 2.56 peratus kepada 20,179.09 dan Nikkei 225 Jepun meningkat 1.04 peratus kepada 24,230.17.



Dalam kalangan saham berwajaran tinggi, **TNB melonjak 18 sen kepada RM12.34**, manakala Petronas Chemicals dan Maxis masing-masing naik satu sen pada RM5.48 dan RM5.27, Axiata menokok dua sen kepada RM3.89, MISC menambah 13 sen kepada RM7.90 dan CIMB naik tiga sen kepada RM3.44.

Maybank dan Public Bank ma-

sing-masing tidak berubah pada RM7.41 dan RM15.74, sementara IHH Healthcare turun tiga sen kepada RM5.16 dan Digi susut dua sen kepada RM4.48.

Bagi saham aktif, Careplus menambah enam sen kepada 59 sen, Advance Synergy naik 1.5 sen kepada 13.5 sen, MTAG meningkat empat sen kepada 46.5 sen, Key Asic naik satu sen kepada 10 sen, Ageson dan Sanichi Technology masing-masing menokok setengah sen kepada 17.5 sen dan lima sen, dan Key Alliance tidak berubah pada 11 sen.

Di papan indeks, Indeks FBM Emas meningkat 52.25 mata kepada 9,735.91, Indeks FBMT 100 menokok 49.54 mata kepada 9,586.51, Indeks FBM Emas Syariah menambah 62.51 mata kepada 10,846.45, FBM ACE naik 93.75 mata kepada 5,021.41 dan FBM 70 melonjak 111.38 kepada 11,899.67.

Mengikuti sektor, Indeks Perkhidmatan Kewangan naik 54.69 mata kepada 12,285.27, Indeks Produk dan Perkhidmatan Perindustrian menokok 0.20 mata kepada 120.64, sementara Indeks Perladangan turun 38.86 mata kepada 6,239.67.

Jumlah dagangan di Pasaran

Utama susut kepada 2.96 bilion saham bernilai RM2.30 bilion daripada 4.02 bilion saham bernilai RM2.47 bilion pada Rabu.

Jumlah dagangan waran berkurangan kepada 298.71 juta bernilai RM55.57 juta daripada 391.71 juta bernilai 70.11 juta.

Jumlah dagangan di Pasaran ACE pula meningkat kepada 1.42 bilion saham bernilai RM382.44 juta daripada 1.47 bilion saham bernilai RM256.44 juta pada Rabu.

Barangan dan perkhidmatan pengguna menyumbang 529.27 juta saham dimagakan di Pasaran Utama, barangan dan perkhidmatan perindustrian (471.50 juta), pembinaan (310.32 juta), teknologi (453.29 juta), SPAC (sifar), perkhidmatan kewangan (59.30 juta), hartanah (232.99 juta), perladangan (129.25 juta), REIT (8.49 juta), dana tertutup (10,000), tenaga (337.0 bilion), penjagaan kesihatan (67.10 juta), telekomunikasi dan media (187.69 juta), pengangkutan dan logistik (120.82 juta) serta utiliti (58.91 juta).

Pasaran akan ditutup pada Isnin bagi cuti umum gantian sempena Nuzul Al-Quran esok.

BERNAMA

VALUATOR

Company(Brand)	Mention	Tone	ROI
Amanah Pelaburan Tanah (REIT) (Amanah Pelaburan Tanah (REIT))	6	0	RM 0
AVA-Animal Welfare & Stray Management (AVA-Animal Health)	1	0	RM 0
Axiata Group (Axiata Group)	1	0	RM 0
Bank Performance - Cagamas (Bank Performance - Cagamas)	2	0	RM 0
Bernama - MREM (Bernama - MREM 2)	1	0	RM 0
Bernama - MREM (Bernama - MREM 6)	1	0	RM 0
Bernama - MREM (Bernama - MREM)	1	0	RM 0
Bursa - CIMB (Bursa - CIMB)	3	0	RM 0
Bursa Malaysia Berhad (Bursa Malaysia Berhad)	5	0	RM 0
CIMB Group (CIMB Wholesale Banking)	1	0	RM 0
CIMB Group Competitors (Maybank Wholesale Banking)	1	0	RM 0
CIMB Group Competitors (Public Bank Wholesale Banking)	1	0	RM 0
Construction Industry Development Board (CIDB) (Industry News - Covid- 19 - Malaysia (Covid- 19 - Malaysia)	2	0	RM 0
Digi Telecommunications Sdn Bhd (Digi)	1	0	RM 0
IHH Healthcare (IHH Healthcare)	1	0	RM 0
Japan - Coronavirus (Japan - Coronavirus)	1	0	RM 0
KIP Group (KIP Group)	1	0	RM 0
Malayan Banking Berhad (Malayan Banking Berhad)	1	0	RM 0
Malaysia International Shipping Corporation Bhd (MISC) (Malaysia	1	0	RM 0
Malaysian Technology Development Corporation (MTDC) (MTDC	2	0	RM 0
Maxis Berhad (Maxis Berhad)	1	0	RM 0
Ministry of Communications and Information (MCI) (Singapore Top	1	0	RM 0
Ministry of Health (MOH) -SG (Healthcare Industry News - SG)	2	0	RM 0
Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (Bernama)	1	0	RM 0
Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (Pertubuhan Berita Nasional	1	0	RM 0
PETRONAS Chemicals Group (PCG) (Petronas Chemicals Group	2	0	RM 0
Pharmaceuticals Industry News (Pharmaceuticals - Healthcare &	1	0	RM 0
Public Bank Berhad (Public Bank Berhad)	1	0	RM 0
RAM Bursa Malaysia (RAM Bursa Malaysia)	2	0	RM 0
Ram Holdings-Industry News (Ram Holdings-Industry News)	1	0	RM 0
Ramsay Sime Darby Health Care - Hong Kong (Covid- 19 Hong Kong)	1	0	RM 0
Real Estate Investment Trust (Real Estate Investment Trust)	1	0	RM 0
Securities Commission Malaysia (Special Purpose Acquisition	1	0	RM 0
Singapore-Malaysia Relations (Singapore-Malaysia Relations -	2	0	RM 0
Star Reacher - Coronavirus (Star Reacher - Coronavirus)	1	0	RM 0
Tenaga Nasional Berhad (TNB) (Tenaga Nasional)	1	0	RM 0